KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

KEMAS PERKENAL TABIKA BERKEPERLUAN KHAS: AKSES PENDIDIKAN INKLUSIF KEPADA KANAK-KANAK AUTISME

Putrajaya, 9 Januari 2025 - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menerusi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bakal memulakan usaha mewujudkan Tabika Berkeperluan Khas atau Tabika Autisme pertama di Malaysia yang akan mula beroperasi di Melaka dan diperluas ke seluruh negara.

Inisiatif ini telah di telah diumumkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW ketika berucap pada Program Pemerkasaan Masyarakat Madani KEMAS yang turut dihadiri lebih 700 orang kakitangan KEMAS di seluruh negara.

Menurut beliau, Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha strategik KEMAS untuk memperluas akses pendidikan inklusif kepada kanak-kanak yang memerlukan perhatian khas, sekali gus menyokong agenda negara dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan sejahtera.

Selain itu, Ahmad Zahid turut menyatakan selama 64 tahun, KEMAS telah berjaya meletakkan asas yang kukuh dalam membangunkan komuniti desa yang sejahtera. Pengiktirafan Antarabangsa Gold Award – Reader's Digest Trusted Brand buat kali kelima dan pencapaian Malaysia Book of Records – The Largest Children Participation in J-Robic Event 2024 menjadi bukti kecemerlangan ini.

Tahun 2024 turut menyaksikan kenaikan elaun Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) KEMAS daripada RM500 kepada RM800, memberi manfaat kepada 9,400 pembantu TABIKA KEMAS di seluruh negara. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM1.51 bilion dalam Belanjawan 2025, termasuk RM20 juta khusus untuk Program Pra Tahfiz KEMAS.

Tambah beliau, meskipun pelbagai pencapaian telah diraih, KEMAS tidak akan berhenti di sini. Institusi ini kini mengorak langkah ke arah transformasi strategik melalui pendekatan baharu yang lebih dinamik. Pendekatan "Cross-Functional" akan diterapkan dengan menggabungkan kepakaran Bahagian Pendidikan Kanak-Kanak, Bahagian Pembangunan Komuniti, dan Bahagian Pendidikan Kemahiran untuk melaksanakan program yang lebih berkesan.

Untuk memastikan keberkesanan berterusan dan usaha ke arah transformasi strategik KEMAS, Ahmad Zahid turut menggesa KEMAS memberikan tumpuan terhadap, Pelan Transformasi Digital, Pendidikan dan Latihan Kemahiran (TVET), Ekonomi dan Keusahawanan Desa, Tadbir Urus yang Mampan, dan TABIKA Berkeperluan Khas untuk kanak-kanak autisme.

Dengan komitmen, dedikasi, dan semangat yang tinggi daripada seluruh kakitangan KEMAS dan KKDW, agensi ini akan terus mencipta kejayaan demi kemakmuran negara serta membentuk tamadun bangsa yang cemerlang, bukan hanya untuk kesejahteraan hari ini, tetapi juga untuk masa depan yang lebih gemilang.

Ahmad Zahid Bin Hamidi
Timbalan Perdana Menteri dan
Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah

09 Januari 2025